

PORTAL OSC3PLUS : USAHA BERTERUSAN REFORMASI TADBIR



Pelancaran Portal One Stop Centre (OSC) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada orang awam merupakan satu langkah dasar yang berani, strategik dan signifikan dalam landskap tadbir urus bandar Malaysia. Ia bukan sekadar penambahbaikan sistem digital atau inisiatif pentadbiran rutin, sebaliknya satu pernyataan tegas bahawa DBKL bersedia meletakkan ketelusan, akauntabiliti dan kepercayaan awam sebagai teras pengurusan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur.


Dalam konteks semasa, di mana pembangunan pesat sering menimbulkan persoalan tentang ketelusan proses kelulusan, konflik kepentingan serta keterlibatan awam yang terhad, tindakan DBKL membuka akses kepada maklumat perancangan pembangunan adalah langkah yang tepat pada masanya. Portal OSC membolehkan orang ramai mengakses maklumat asas berkaitan permohonan pembangunan di kawasan masing-masing, termasuk status kelulusan dan pematuan terhadap peraturan perancangan walaupun dalam skop yang terhad dan terkawal. Ini memperkukuh hak rakyat untuk mengetahui dan memahami bagaimana bandar mereka dirancang dan dibangunkan, tanpa menjejaskan aspek kerahsiaan yang dilindungi undang-undang.

Lebih penting, langkah ini mengangkat perancangan bandar daripada ruang tertutup pentadbiran kepada ruang kepentingan awam yang boleh diteliti. DBKL secara jelas menghantar mesej bahawa Kuala Lumpur bukan milik segelintir pihak berkepentingan, tetapi milik bersama warganya, dan setiap pembangunan wajar tertakluk kepada prinsip ketelusan serta penelitian awam.

Ketelusan sebagai instrumen utama tadbir urus

Portal OSC yang boleh diakses melalui <https://osc3plus.dbkl.gov.my> mencerminkan pendekatan berprinsip dalam melaksanakan ketelusan secara bertanggungjawab. Akses awam disediakan kepada maklumat perancangan yang tidak bersifat sulit dan relevan untuk pengetahuan umum, manakala dokumen sensitif seperti pelan bangunan terperinci, maklumat proprietari, serta dokumen hak milik tanah terus dilindungi. Pendekatan ini menolak fahaman bahawa ketelusan mesti bersifat mutlak tanpa batas, sebaliknya menegaskan bahawa keterbukaan yang berkesan memerlukan disiplin pentadbiran, kerangka perundangan yang jelas dan tadbir urus berhemah.

Dari sudut tadbir urus, Portal OSC berfungsi sebagai mekanisme akauntabiliti yang konkrit dan sistematik. Apabila maklumat berkaitan perintah pembangunan, syarat kelulusan dan pematuan garis panduan boleh disemak secara dalaman talian, ruang untuk salah tafsir, spekulasi dan ketidakpercayaan awam dapat dikurangkan secara signifikan. Ketelusan seperti ini bukan sahaja melindungi kepentingan awam, malah memperkukuh kredibiliti DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan yang profesional, telus dan berintegriti. Portal ini juga menyediakan asas penting kepada budaya evidence-based governance, di mana perbincangan awam mengenai pembangunan bandar dapat berlandaskan fakta dan data yang sahih, bukan sentimen atau persepsi semata-mata. Ini selari dengan tuntutan pentadbiran moden yang semakin kompleks, berorientasikan data dan menuntut kecekapan institusi yang tinggi.





Memperkasa peranan Ahli Parlimen KL

Satu dimensi penting Portal OSC yang wajar diberi perhatian ialah penyediaan akses khas kepada Ahli Parlimen (MP) Kuala Lumpur melalui pengenalan ID khas. Langkah ini menyelesaikan satu kelemahan struktur yang sekian lama wujud dalam ekosistem tadbir urus bandar. Sebelum ini, apabila papan tanda projek atau hoarding pembangunan didirikan di sesuatu kawasan, penduduk lazimnya akan merujuk kepada Ahli Parlimen mereka untuk mendapatkan penjelasan. Namun, dalam banyak keadaan, MP sendiri tidak mempunyai maklumat terperinci dan terpaksa mendapatkan penjelasan terus daripada DBKL ada kalanya melalui pertanyaan rasmi atau surat bertulis yang mengambil masa.

Dengan Portal OSC, jurang maklumat ini dapat ditutup. MP kini mempunyai akses langsung kepada maklumat berkaitan projek pembangunan di kawasan mereka, sekali gus membolehkan mereka berperanan sebagai penghubung yang lebih berkesan antara rakyat dan DBKL. Akses ini memudahkan penyampaian maklumat balas awam, penjelasan isu berbangkit serta penyelarasan tindakan susulan berkaitan pembangunan. Ia bukan sahaja mempermudah urusan wakil rakyat, malah meningkatkan kecekapan DBKL dalam mengurus komunikasi dua hala dengan masyarakat.

Pendekatan ini selari dengan amalan bandar-bandar maju di peringkat antarabangsa. Di United Kingdom, Planning Portal membolehkan wakil rakyat tempatan dan penduduk mengakses permohonan pembangunan serta memberikan pandangan sebelum keputusan dibuat. Di Singapura, Urban Redevelopment Authority (URA) menyediakan akses terbuka kepada pelan induk dan maklumat guna tanah, menjadikan perancangan bandar satu proses yang telus dan boleh diramal. Bandar-bandar utama di Australia, Kanada dan negara-negara Kesatuan Eropah turut mengamalkan sistem perancangan berasaskan pendedahan maklumat kepada umum dan wakil rakyat sebagai sebahagian daripada ekosistem tadbir urus demokratik.

Persamaan utama bandar-bandar maju ini ialah kefahaman bahawa pembangunan mampan tidak boleh dipisahkan daripada kepercayaan awam. Ketelusan bukan penghalang kepada pelaburan atau pertumbuhan ekonomi, sebaliknya faktor yang meningkatkan kestabilan dasar, keyakinan pelabur dan keharmonian sosial. Dengan membuka Portal OSC kepada orang awam dan menyediakan akses khas kepada MP, DBKL secara jelas meletakkan Kuala Lumpur seiring dengan bandar raya yang memahami bahawa legitimasi perancangan bandar lahir daripada keterbukaan prosesnya.

Kepimpinan dan penanda aras tadbir urus bandar

Kejayaan sesuatu reformasi tidak diukur melalui pengumuman dasar semata-mata sebaliknya melalui pelaksanaannya. Dalam hal ini, kepimpinan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr. Fadlun Mak Ujud, serta keseluruhan jentera DBKL wajar diberi pengiktirafan. Portal OSC membuktikan bahawa DBKL bukan sahaja mempunyai visi reformasi, tetapi juga keupayaan institusi untuk menterjemahkan visi tersebut kepada sistem yang berfungsi, praktikal dan boleh diakses.

Perlu dinyatakan, bahawa portal ini bukan sekadar platform digital atau inisiatif imej. Ia adalah penanda aras baharu dalam tadbir urus bandar Kuala Lumpur. Dengan menjadikan ketelusan dan akauntabiliti sebagai prinsip operasi, serta memperkasa peranan rakyat dan wakil rakyat, DBKL sedang membina asas yang lebih kukuh untuk pembangunan bandar yang teratur, inklusif dan mampan.

Dalam dunia yang semakin menuntut keterbukaan, langkah ini memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang ditadbir secara moden dan berwibawa. Lebih penting, ia mengembalikan perancangan bandar kepada pemilik asalnya iaitu rakyat. Dalam jangka panjang, bandar raya yang dirancang secara terbuka, bertanggungjawab dan berasaskan maklumat adalah bandar yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan diyakini.